



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	13/3/2021	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

TNB terus bantu pelajar keluarga B40

Kosmo 13/3/2021 M/s B

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan bantuan kelengkapan persekolahan dengan meraikan seramai 8,650 pelajar dalam keluarga B40 menerusi Program Cera ke Sekolah (CKS).

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sumbangan itu diagihkan untuk pelajar di negeri terpilih seperti Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah. "Sumbangan untuk ketiga-tiga negeri tersebut diserahkan kepa-

da Ahi Dewan Undangan Negeri, Ahi Parlimen dan pemimpin masyarakat sebelum diagihkan kepada pelajar terpilih.

"Kos keseluruhan sumbangan bernilai RM865,000 atau RM100 setiap pelajar. Jumlah itu sebahagian daripada peruntukan bernilai RM3 juta bagi program CKS," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Katanya, penyerahan sumbangan untuk negeri-negeri lain sedang diaturkan TNB bersama

pinak teribat.

"Bantuan itu diharapkan dapat mengurangkan tekanan serta bebanan keluarga yang kurang berkemampuan untuk melakukan perseediaan anak-anak mereka ke sekolah.

"Sekurang-kurangnya, pelajar terbabit dibantu dapat ke sekolah dengan kelengkapan serba baru untuk sesi persekolahan yang baru bermula bulan ini tanpa membebankan ibu bapa," ujar beliau.



MAHDZIR (kanan) menyerahkan replika cek kepada bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom sempena Program CKS di Pejabat Pendidikan Daerah Padang Terap baru-baru ini.